

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI RABU, 7 MEI 2008, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 6**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1211-L11320  
**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
  - a) apakah perancangan dan peruntukan yang disediakan oleh pihak Kementerian bagi membantu pesawah-pesawah dan petani-petani; dan
  - b) adakah pihak Kementerian merancang untuk mengekalkan pemberian subsidi baja dan racun untuk pesawah-pesawah memandangkan harga barangan tersebut semakin meningkat.
  
2. PR-1211-L11350  
**Puan Nurul Izzah Binti Anwar [ Lembah Pantai ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
  - a) sejauh mana keberkesanan program bantuan makanan yang diberikan di sekolah-sekolah luar bandar membantu pelajar-pelajar mendapat pemakanan seimbang; dan
  - b) apakah langkah-langkah yang diambil Kerajaan dalam menangani masalah keracunan makanan yang kerap berlaku di sekolah-sekolah serta penguatkuasaannya menepati Prinsip Am Kebersihan Makanan.
  
3. PR-1211-L11254  
**Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [ Sri Gading ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah jenis penyakit yang menjadi penyebab utama kematian di kalangan rakyat dan berapakah tempoh jangka hayat bagi lelaki dan wanita.

4. PR-1211-L12432  
**Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kerajaan pernah melobi untuk meratifikasi Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengenai Konvensyen terhadap hak golongan Orang Kurang Upaya.
5. PR-1211-L11412  
**Puan Chua Soon Bui [ Tawau ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sama ada Kementerian bercadang mengkaji semula atau membatalkan CESS minyak kelapa sawit yang dikenakan pada ladang-ladang terutama di Sabah sebab berlakunya pencukaian dua kali, termasuk cukai 7.5% yang dikenakan oleh Kerajaan Sabah. Adakah Kementerian bercadang berbincang dengan Kerajaan Sabah bagi meringankan beban pencukaian itu.
6. PR-1211-L12388  
**Tuan Tony Pua Kiam Wee [ Petaling Jaya Utara ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan pendapatan, keuntungan kumulatif syarikat-syarikat konsesi tol dan adakah Kerajaan akan mengambil langkah tertentu untuk merunding semula ciri-ciri kontrak yang tidak seimbang dan membebankan orang ramai.
7. PR-1211-L12483  
**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [ Jerlun ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa BSA Tahir dianggap pengancam kepada keselamatan negara sehingga ditahan di bawah ISA.
8. PR-1211-L12214  
**Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [ Kuala Krai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Islam Hadhari terus menjadi pegangan Kerajaan sekarang.
9. PR-1211-L11734  
**Tuan Alexander Nanta Linggi [ Kapit ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan ekonomi dunia sekarang dengan ekonomi negara Malaysia. Ini memandangkan ada banyak faktor seperti kemerosotan ekonomi serta mata wang dolar negara Amerika Syarikat, kenaikan harga minyak mentah, kenaikan mata wang Euro yang berlaku masa kini yang boleh memberi kesan baik atau buruknya kepada ekonomi negara Malaysia.
10. PR-1211-L11672  
**Tuan Manogaran a/l Marimuthu [ Telok Intan ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pada suatu ketika, terdapat perkhidmatan kereta api ke Teluk Intan, mengapa perkhidmatan tersebut tergendala dan bila perkhidmatan itu akan dimulakan.

11. PR-1211-L12065  
**Dato' Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [ Kota Bharu ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan kos purata buku latihan yang terpaksa ditanggung oleh ibu bapa untuk para pelajar mengikut tingkatan persekolahan selepas Kerajaan memberikan buku teks percuma.
12. PR-1211-L12239  
**Tuan Che Uda bin Che Nik [ Sik ]** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah langkah dan tindakan konkrit yang akan di ambil oleh Kementerian untuk menyelesaikan masalah kehilangan (kecurian) kabel telefon yang berlaku secara berleluasa sekarang.
13. PR-1211-L11234  
**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
  - a) langkah yang diambil oleh pihak Kementerian dalam menggalakkan masyarakat Bumiputera bukan Melayu untuk menceburkan diri dalam perniagaan berasaskan industri hiliran pertanian; dan
  - b) usaha yang diambil bagi menggalakkan kaum nelayan untuk menceburkan diri dalam industri hiliran berasaskan hasil laut.
14. PR-1211-L11642  
**Tuan Salleh bin Kalbi [ Silam ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status kelulusan pembinaan Lapangan Terbang Lahad Datu.
15. PR-1211-L11965  
**Datuk Seri Panglima Mojilip bin Bumburing @ Wilfred [ Tuaran ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan -
  - a) berapakah jumlah peneroka yang telah ditempatkan di Rancangan Penempatan Felda di Dent Peninsular, Lahad Datu dan Umas-Umas, Tawau, Sabah; dan
  - b) sama ada semua lot-lot sudah dipenuhi oleh peneroka dan adakah geran-geran tanah sudah diberikan kepada peneroka seperti yang termaktub dalam perjanjian antara Felda dan Kerajaan Negeri Sabah.

16. PR-1211-L11912  
**Dato' Haji Abdul Halim Bin Abdul Rahman [ Pengkalan Chepa ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bilakah Kerajaan akan mengisytiharkan Tok Bali sebagai pelabuhan perikanan laut dalam dan apakah langkah-langkah positif ke arah menjadikan Tok Bali sebagai pelabuhan tersebut.
17. PR-1211-L11392  
**Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rasional peruntukan RM 2 juta setahun menghantar pesakit pediatrik ke Narayana Hrudayalaya Hospital, Banglore, India untuk menjalani pembedahan jantung.
18. PR-1211-L12537  
**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan mengapa harga padi tidak dinaikkan dari RM65.00 yang telah lama tidak dikaji sedangkan kos-kos pengeluaran lain-lain telah meningkat seperti buruh, benih, membajak, baja dan racun meningkat.
19. PR-1211-L11848  
**Tuan Raime Bin Unggi [ Tenom ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- a) jumlah kes kanak-kanak yang hilang pada tahun 2005, 2006, 2007 dan empat bulan pertama 2008; dan
  - b) jumlah kes kanak-kanak yang berjaya diselesaikan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) pada tahun 2005, 2006, 2007 dan empat bulan pertama 2008.
20. PR-1211-L12212  
**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ]** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah rasional bagi Kementerian untuk membatalkan MoU dengan negeri-negeri yang ditadbir oleh Pakatan Rakyat.
21. PR-1211-L12374  
**Datuk Richard Riot Ak. Jaem [ Serian ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementeriannya mempunyai rancangan untuk menaik taraf dan membesarkan Jalan Serian-Tebedu.

22. PR-1211-L12193  
**Tuan Tiong Thai King [ Lanang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan memandangkan negara kita telah mencapai perpaduan nasional dan rakyat negara bebas menganuti agama dan kepercayaan masing-masing, adakah ini peruntukan diberi kepada tabung aktiviti dan pembinaan gereja.
23. PR-1211-L12681  
**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana Kerajaan akan membawa reformasi ke atas politik, pentadbiran dan dasar bagi memulihara kepercayaan rakyat jelata. Adakah reformasi ini secocok dengan Demokrasi Berparlimen dan akan menghapuskan segala bentuk penyelewengan.
24. PR-1211-L12252  
**Tuan Matulidi bin Jusoh [ Dungun ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah benar Pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) mensyaratkan para peminjam untuk membayar balik pinjaman selepas tiga (3) bulan tamat pengajian dan dikenakan faedah tiga (3) peratus setiap tahun daripada jumlah baki pinjaman.
25. PR-1211-L12467  
**Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam yang telah diberikan kepada pemohon sejak 2004, mengikut pecahan kaum dan bidang pengajian.
26. PR-1211-L11869  
**Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perkembangan penyiasatan pihak polis terhadap kes beberapa individu yang didakwa telah mengimport dakwat kekal seperti yang sepatutnya digunakan oleh SPR dalam Pilihan Raya Umum ke 12 lalu dan siapakah individu-individu ini serta bilakah mereka akan didakwa.
27. PR-1211-L11279  
**Puan Fong Po Kuan [ Batu Gajah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada pentadbirannya telah mempunyai rancangan mengadakan rombakan semula pendekatan pentadbiran termasuk dari aspek polisi, pelaksanaan dan penyampaiannya ekoran daripada keputusan pilihan raya umum ke 12 baru-baru ini. Jika ya, sila senaraikan. Jika tidak, mengapa.

28. PR-1211-L11937  
**Datuk Wira Ahmad bin Hamzah [ Jasin ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berhubung dengan pencapaian pelaburan terus luar (FDI) dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan bagi tahun 2007 berbanding tahun 2006. Bolehkah pencapaian dan aliran pelaburan dipertingkatkan bagi tahun 2008.
29. PR-1211-L12274  
**Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan hutang negara sama ada luar atau dalam negara serta jumlah wang rizab negara dari tempoh 1/3/1999 hingga 1/3/2008 .
30. PR-1211-L11762  
**Tuan Razali Bin Haji Ibrahim [ Muar ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah awal bagi memastikan bahawa sekiranya terjadi kemelesetan ekonomi Amerika Syarikat, negara kita bersedia untuk menanggung sebarang cabaran ekonomi kerana AS masih merupakan rakan perdagangan terbesar Malaysia.
31. PR-1211-L11402  
**Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [ Padang Besar ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kerajaan masih cenderung untuk meluluskan pembinaan sebuah lapangan terbang yang besar berbanding dengan yang ada sekarang di Pulau Tioman, di mana sudah pasti akan memusnahkan sebahagian besar dari "colony" batu karang yang tertua dan unik di dunia.
32. PR-1211-L12135  
**Dato' Abu Bakar Bin Taib [ Langkawi ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
- a) apakah pendekatan baru untuk menggalakkan para belia yang menganggur di desa dan kota menceburi bidang pekerjaan sama ada bidang pembuatan, perkilangan, perkhidmatan hatta dalam bidang pengawalan keselamatan di lapangan terbang yang sekarang rata-ratanya dipenuhi oleh pekerja asing; dan
  - b) berapakah jumlah pekerja asing di bidang kawalan keselamatan di hotel dan lapangan terbang dan berapakah purata gaji mereka.

33. PR-1211-L11974  
**Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [ Bachok ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilakah sistem pengantaraan bahasa Melayu akan menggantikan bahasa Inggeris dalam pembelajaran anak-anak di semua peringkat persekolahan.
34. PR-1211-L11987  
**Tuan Taib Azamudden bin Md Taib [ Baling ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan akan mengekalkan amalan menafikan peruntukan bantuan kecil sebanyak RM500,000 setahun itu kepada Ahli-ahli Parlimen yang bukan dari Barisan Nasional.
35. PR-1211-L12022  
**Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- a) berapakah jumlah orang Melayu beragama Islam yang telah menukar status agamanya ke agama lain; dan
  - b) apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengawal/membendung gejala ini.
36. PR-1211-L12690  
**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan berpuas hati terhadap peningkatan kos pembinaan Landasan Kereta api Berkembar sepanjang 329 km yang menghubungkan Ipoh ke Padang Besar, yang dikatakan meningkat dari RM8 bilion kepada RM12.485 bilion oleh Pengarah MMC-Gamuda JV, Datuk Ir. Azmi Mat Nor. Jelaskan sebab-sebab peningkatan ini.
37. PR-1211-L12286  
**Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [ Parit Buntar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh mana kesungguhan Kerajaan menilai semula Akta Keselamatan Dalam Negeri bagi memulihkan prinsip 'hak untuk mendapatkan keadilan'.
38. PR-1211-L11521  
**Dato' Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menggunakan kuota dan nisbah dalam pengambilan tenaga asing dalam sektor tertentu.
39. PR-1211-L12145  
**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah cukai pendapatan dan lain-lain cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Persekutuan yang dibayar oleh rakyat Negeri Perak untuk tempoh 5 tahun yang lepas.

40. PR-1211-L12662  
**Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [ Kota Raja ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah rasional melantik Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK) di peringkat Persekutuan bagi negeri-negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor dan Kelantan.
41. PR-1211-L12402  
**Tuan Ismail Bin Haji Mohamed Said [ Kuala Krau ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah status sungai-sungai di negara ini dan apakah perancangan terkini terhadap usaha-usaha memulihkan sungai memandangkan usaha sebelum ini kurang berjaya membersihkan sungai di negara ini.
42. PR-1211-L12001  
**Tuan Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk mengurangkan kemasukan pekerja asing di dalam ibu kota. Jika tidak, sila nyatakan sebabnya.
43. PR-1211-L11744  
**Tuan Chua Tee Yong [ Labis ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah sektor-sektor di dalam negara ini yang telah menerima subsidi daripada Kerajaan. Nyatakan sektor manakah yang terbanyak menerima pemberian subsidi.
44. PR-1211-L11844  
**Puan Norah binti Abd Rahman [ Tanjong Manis ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan status perancangan jalan-jalan untuk menghubungi kampung-kampung di Sarawak.
45. PR-1211-L11890  
**Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan adakah benar bahawa operator-operator bas awam diberi kebebasan memilih laluan bas mereka sehinggakan tiada laluan bas di banyak tempat kerana laluan bas di sana tidak menguntungkan dan apakah subsidi kerajaan diperuntukkan di kawasan-kawasan ini.

46. PR-1211-L11321  
**Puan Rosnah Binti Abdul Rashid Shirlin [ Papar ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan keputusan SPM dan pencapaian para pelajar di sekolah-sekolah vokasional di seluruh Malaysia mengikut pecahan negeri, bangsa dan gender bagi tahun 2004 hingga kini serta nyatakan program hala tuju atau pelan susulan yang disediakan oleh Kementerian bagi para pelajar yang gagal atau kurang cemerlang.
47. PR-1211-L11461  
**Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan hala tuju dan jangka masa pelaksanaan pilihan raya Kerajaan tempatan bagi membuka sebuah babak baru dalam demokrasi di Malaysia.
48. PR-1211-L11561  
**Tuan Khairy Jamaluddin [ Rembau ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah kesan penternakan babi terhadap alam sekitar, terutamanya dalam konteks pencemaran sungai dan udara.
49. PR-1211-L12403  
**Dr. Dzulkefly bin Ahmad [ Kuala Selangor ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan sedang dijalankan bagi mengawal inflasi dan kesan serta impak kenaikan harga barang dengan kenaikan harga mentah dunia dan kelembapan ekonomi global akibat dari krisis kewangan di Amerika Syarikat
50. PR-1211-L11584  
**Dr. Mohamed Hayati Bin Othman [ Pendang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan program yang telah dan akan dilaksanakan di dalam NCER yang melibatkan petani secara langsung dalam usaha menambah pendapatan mereka.
51. PR-1211-L12501  
**Datuk Juslie Bin Ajirol [ Libaran ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh manakah pertimbangan Kerajaan Persekutuan di atas permohonan Kerajaan Negeri untuk membina Lapangan Terbang Antarabangsa kedua di Sabah.
52. PR-1211-L12651  
**Tuan Azan bin Ismail [ Indera Mahkota ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah pengeluaran sijil Halal telah dikeluarkan setakat ini serta berapakah kos yang dikenakan untuk tujuan tersebut.

53. PR-1211-L11273  
**Dato' Seri Dr. Fong Chan Onn [ Alor Gajah ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapa masih ramai masyarakat yang meminta bantuan kewangan daripada orang ramai untuk mendapat rawatan memandangkan Kerajaan telah menubuhkan Tabung Bantuan Kesihatan bagi tujuan tersebut. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menggalakkan lebih ramai orang untuk memohon bantuan daripada tabung ini.
54. PR-1211-L11706  
**Tuan Khalid bin Abdul Samad [ Shah Alam ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan tindakan yang telah diambil terhadap aduan-aduan ibu bapa mengenai sistem pelajaran yang terlalu berorientasikan peperiksaan, budaya tuisyen dan penggunaan buku rujukan yang terlalu banyak yang mereka anggap mengganggu pertumbuhan minda dan psikologi pelajar.
55. PR-1211-L12503  
**Tuan Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai status sebenar Pulau Pisang di bahagian selatan Semenanjung, benarkah pulau itu diselenggarakan oleh Singapura dan jika benar, sejak bila dan adakah Kerajaan akan mengkaji balik status Singapura di pulau itu supaya tidak menimbulkan apa-apa masalah di masa akan datang seperti yang terjadi di Pulau Batu Putih.
56. PR-1211-L12543  
**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk melaksanakan Pilihanraya Kerajaan Tempatan kerana ini merupakan inisiatif yang paling berkesan untuk mengawal rasuah dan pembaziran wang rakyat.
57. PR-1211-L12577  
**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah sebab penggunaan dakwat dibatalkan pada saat akhir sebelum pengundian Pilihan Raya Umum 2008 lalu, kos pembelian dan kerugian yang ditanggung SPR dan mengapakah berlaku kertas-kertas undi pos tidak dikembalikan atau hilang sebelum jam 5.00 petang pada hari pengundian dan apakah kawasan pilihan raya yang terlibat.
58. PR-1211-L11810  
**Dato' Kamarudin Bin Jaffar [ Tumpat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Petronas akan membuka pangkalan khidmat (supply base) di Tumpat memandangkan operasi minyak dan gas yang meningkat di lautan sebelah Pantai Timur.

59. PR-1211-L11956  
**Puan Tan Ah Eng [ Gelang Patah ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan cara-cara Pelantikan Pegawai Kerajaan Tempatan, memandangkan sikap kerja menggangu imej PBT.
60. PR-1211-L12043  
**Dato' Lilah bin Yasin [ Jempol ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah dasar berkaitan pembangunan pekan-pekan kecil di Rancangan Tanah FELDA.
61. PR-1211-L12460  
**Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah halangan untuk memberikan pendidikan percuma kepada rakyat sekurang-kurangnya sehingga ke peringkat ijazah pertama.
62. PR-1211-L11722  
**Dato' Seri Ong Ka Ting [ Kulai ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa projek-projek yang dilaksanakan di Kementerian Kerja Raya, kerja-kerja Mekanikal dan Elektronik (M&E) hanya dipelawa di kalangan kontraktor bumiputera sahaja dan sedarkah Kementerian keputusan ini telah menyebabkan ketidakpuasan kontraktor bukan bumiputera yang selama ini menjalankan perniagaan serta memberi banyak peluang pekerjaan kepada semua kaum.
63. PR-1211-L12210  
**Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [ Titiwangsa ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai peruntukan kepada Ahli Parlimen Titiwangsa pada tempoh Parlimen Kesebelas yang lalu.
64. PR-1211-L11703  
**Datuk Halimah binti Mohd Sadique [ Tenggara ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa Kualiti Alam Sdn. Bhd menguruskan secara eksklusif semua sisa terjadual di Semenanjung Malaysia dan dengan wujudnya Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) di selatan semenanjung, bolehkah sebuah lagi syarikat konsesi berkaitan dibenarkan beroperasi di kawasan tersebut bagi menawarkan kos lebih kompetitif.
65. PR-1211-L11542  
**Tuan Lim Kit Siang [ Ipoh Timur ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan sekarang akan menubuhkan IPCMC untuk mengadakan satu perkhidmatan polis bertaraf dunia yang cekap, beramanah dan profesional demi mengurangkan jenayah, menghapuskan rasuah dan menghormati hak asasi manusia - mesej jelas 'tsunami politik' 8 Mac, 2008.

66. PR-1211-L12360  
**Tuan Hasbi bin Habibollah [ Limbang ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan berapa banyak peruntukan tambahan di dalam Kajian Separuh Penggal RMK-9 akan disalurkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak bagi memperluaskan liputan bekalan air bersih luar bandar (BALB) memandangkan masih banyak lagi kampung-kampung dan rumah panjang masih belum menikmati bekalan air bersih.
67. PR-1211-L11358  
**Puan Chong Eng [ Bukit Mertajam ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- a) langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mengatasi kekurangan guru berkelayakan bahasa Mandarin dengan jadual masa dalam Negara ini.; dan
  - b) nyatakan apakah penyelesaian kepada masalah ramai guru tidak minat dinaikkan pangkat menjadi penolong guru besar.
68. PR-1211-L12343  
**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [ Padang Terap ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah sebab-sebab SPR membatalkan pengakuan bersumpah calon-calon pilihan raya lepas pada saat-saat akhir.
69. PR-1211-L12158  
**Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ]** minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan apakah tindakan tegas Kerajaan dalam mengekalkan penyebaran maklumat-maklumat yang tidak tepat dan mengelirukan masyarakat yang boleh didapati melalui laman-laman web persendirian atau bloggers yang dianggap menjadi penyebab hilang keyakinan rakyat kepada Kerajaan.

## ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Usul dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] dan masalah dicadangkan :-**

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kedua Belas".

### **Menyambung semula perbahasan atas masalah (6 Mei 2008)**

2. (D.R 1/2008) **Rang Undang-Undang Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (Pindaan) 2008** Bacaan Kali Yang Kedua

3. PR-1211-U11249 **Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa 'Cabotage Policy' yang diamalkan sekarang haruslah dimansuhkan memandangkan polisi ini akan membantutkan usaha Kerajaan dalam menggalakkan lebih ramai lagi pelabur untuk melabur di negeri Sabah. Dan mengambil maklum bahawa 'Cabotage Policy' yang telah dikuatkuasakan sejak tahun 1980 ini membebankan rakyat Sabah kerana mereka terpaksa membayar 20-30% lebih bagi barangan yang di import ke negeri Sabah berbanding dengan rakyat di Semenanjung Malaysia. Dan mengambil maklum bahawa 'Cabotage Policy' yang diperkenalkan mengikut 'Merchant Shipping Act' 1952 melalui 'Domestic Shipping Licensing Board' bagi melindungi industri perkapalan negara pada ketika itu, telah pun lapuk di mana pada masa ini kebanyakan barangan boleh diimport terus ke negeri Sabah dari negara asal dan negara sudah mempunyai banyak syarikat perkapalan.

Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk memansuhkan 'Cabotage Policy' ini dan mengamalkan 'Open Sea Policy' bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi di negeri Sabah khasnya dan menjayakan Sabah 'Development Corridor'.

**(Menteri Pengangkutan)**

4. PR-1211-U11250

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa tahap pencemaran bunyi bising terutama sekali daripada 'Car Horn', para penjual langsung seperti penjual gas dan lain-lain yang masuk ke taman-taman perumahan dan kampung-kampung telah mencapai tahap yang kritikal dan membimbangkan kesihatan rakyat. Dan mengambil maklum bahawa menurut kajian yang dijalankan oleh 'Egyptian National Research Centre' (NRC), setiap hon yang dibunyikan mencapai tahap bunyi 90 Desibel (Dbs), jauh melebihi had yang dibenarkan oleh 'Environmental Protection Agency' iaitu 35-35 Dbs. Dan mengambil maklum bahawa menurut kajian tersebut lagi, pencemaran bunyi bising ini boleh menyebabkan ketidakselesaan hidup rakyat di mana ianya boleh menyebabkan Penambahan Hormon Tekanan Jiwa, pembengkakan dan perubahan kimia badan\ yang boleh menyebabkan masalah ketidakseimbangan atau kerosakan aliran darah dalam badan serta serangan jantung. Dan mengambil maklum bahawa kajian tersebut juga mendapati bahawa pencemaran bunyi bising juga boleh menyebabkan masalah kesihatan seperti penyakit darah tinggi, kehilangan daya pendengaran dan ketidakstabilan mental. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk meminda akta bagi membendung dan mengawal masalah pencemaran bunyi demi untuk kesejahteraan hidup rakyat.

**(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)**

5. PR-1211-U11256

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa golongan belia dan beliawanis hari ini adalah pemimpin hari esok. Dan mengambil maklum bahawa golongan belia dan beliawanis pada hari ini lebih cenderung kepada pusat rekreasi berasaskan Internet mengambil maklum bahawa golongan belia dan beliawanis pada hari ini juga lebih cenderung untuk mendapatkan maklumat melalui Internet yakni laman-laman web dan blog berbanding dengan cara terdahulu iaitu melalui media massa dan elektronik. Dan mengambil maklum juga bahawa, oleh kerana kecenderungan belia dan beliawanis ini melayari Internet, mereka pada hari ini seolah-olah terasing dan lebih tepat lagi mereka mengasingkan diri daripada apa jua program yang dianjurkan Kerajaan dan ini sekali gus menyebabkan mereka tidak mendapat penjelasan mengenai program-program serta agenda-agenda pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan. Bagi mengatasi masalah ini, pihak Kerajaan haruslah merangka satu pelan induk yang efektif, di mana Kerajaan melalui wakil-wakil rakyat dan kakitangan Kerajaan menyediakan satu forum yang bersesuaian dengan cita rasa golongan belia dan beliawanis hari ini.

Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan untuk menubuhkan 'One Stop Centre' di setiap kawasan Parlimen di Malaysia, di mana pusat ini akan dijadikan sebagai pusat maklumat, rekreasi berinteraksi dan tempat di mana wakil rakyat serta kakitangan Kerajaan dapat menemui dan mendekati golongan belia dan Kerajaan bagi menerangkan semua program-program dan polisi Kerajaan."

**(Menteri Belia dan Sukan)**

6. PR-1211-U12705  
**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini akan membincangkan pelbagai aspek penjenayahan di negara ini. Bahawa Dewan ini juga akan membahaskan setakat mana pelaksanaan syor-syor Suruhanjaya diraja Polis dapat mengatasi penjenayahan."

**(Menteri Dalam Negeri)**

7. PR-1211-U12709  
**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memperbahaskan implikasi masalah ekonomi Amerika Syarikat seperti skandal subprime terhadap ekonomi Malaysia. Bahawa Dewan ini hendak mengetahui tindakan yang perlu diambil untuk menghadapi faktor-faktor yang kena-mengena dengan ekonomi tersebut."

**(Menteri Kewangan)**

8. PR-1211-U11516  
**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan siaran langsung televisyen sepenuhnya bagi sidang Dewan Rakyat supaya rakyat boleh menonton ucapan para ahli berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang."

**(Menteri Penerangan)**

9. PR-1211-U11517

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan pilihan raya Kerajaan tempatan demi menjadikan perkhidmatan Kerajaan tempatan di negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan ahli Majlis Kerajaan Tempatan."

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

10. PR-1211-U11519

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mendesak Kerajaan untuk melaksanakan kempen kitar semula dan kempen pengurangan penggunaan plastik dengan lebih gigih demi memelihara kebersihan alam sekitar."

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

11. PR-1211-U11520

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama."

**(Perdana Menteri)**

12. PR-1211-U11523

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya DiRaja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM dan YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC)."

**(Menteri Dalam Negeri)**

13. PR-1211-U12088  
**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menetapkan dengan seriusnya agar pendengaran yang dikendalikan oleh Mahkamah Majistret bergerak di daerah-daerah di seluruh negara demi untuk membantu penduduk di luar bandar dapat diberi kemudahan utama. Dengan adanya Mahkamah Majistret bergerak maka sudah tentunya penduduk-penduduk luar bandar diberi peluang untuk memohon bantuan guaman serta pendengaran kes-kes tribunal dan juvana dapat disegerakan."

**(Perdana Menteri)**

14. PR-1211-U12093  
**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincangkan dengan seriusnya untuk menetapkan supaya mempertingkatkan penggunaan baja-baja organik demi untuk menggelakkan penggunaan baja in-organik yang diperoleh terutama sekali daripada bahan petroleum di mana harga bahan mentah melambung tinggi. Logiknya ialah peningkatan bahan baja organik boleh didapati dengan mudah iaitu dari hasil bumi kita yang kaya dengan bahan-bahan ini, contohnya dari sisa hasil makanan rakyat jelata negara ini."

**(Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani)**

15. PR-1211-U12097  
**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menetapkan dengan seriusnya, demi untuk memperluaskan pendidikan dan sekolah khas bagi kanak-kanak sub-normal serta yang hyper-aktif. Dengan perkembangan sekolah khas tersebut ke daerah-daerah tertentu maka ini dapat memudahkan ibu bapa menghantar anak-anak golongan hyper-aktif ini mendapat peluang pendidikan bersama-sama dengan semua pelajar kelak."

**(Menteri Pelajaran)**

16. PR-1211-U12648  
**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini meluluskan ketetapan bahawa Kerajaan Persekutuan hendaklah memulihkan semula pilihan raya Kerajaan Tempatan di semua Majlis / Dewan Bandar raya dan Majlis Perbandaran seluruh negara dengan mengambil tindakan meminda Perlembagaan Persekutuan dan Akta Kerajaan Tempatan bagi maksud tersebut supaya kuasa perwakilan rakyat di dalam Kerajaan Tempatan dikembalikan selaras dengan amalan Demokrasi Berparlimen di Malaysia dan tuntutan rakyat sebagaimana yang dijemakan dalam keputusan Pilihan raya Umum 2008 yang mencerminkan kehendak dan hasrat rakyat."

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Persekutuan)**

17. PR-1211-U11457  
**Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [ Ipoh Barat ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk memastikan Kerajaan Persekutuan memperkenalkan Pilihan Raya Majlis Tempatan dan dengan secepat yang mungkin."

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

18. PR-1211-U12502  
**Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengutuk keras tindakan ahli Parlimen Belanda, Geert Wilders yang menerbitkan filem pendek, 'Fitna' yang telah mencemarkan kesucian agama Islam. Dewan ini berpandangan bahawa hak kebebasan individu tidak boleh disalahgunakan untuk melakukan apa sahaja, termasuk mencabul hak masyarakat. Tindakan Geert Wilders telah mencalarakan hati 1.3 bilion umat Islam di seluruh dunia. Dewan ini juga melahirkan kebimbangan sekiranya perbuatan biadab seperti ini dibiarkan akan merangsang tindakan di luar batas undang-undang. Ia adalah satu bentuk provokasi atas umat Islam supaya melakukan keganasan. Dewan ini dengan ini mendesak Parlimen Belanda supaya mengambil tindakan yang keras terhadap seorang manusia yang tidak bertamadun seperti Geert Wilders."

**(Menteri Luar Negeri)**

19. PR-1211-U12517  
**Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan Malaysia mengkaji semula dasar-dasar yang digubal untuk membangunkan Wilayah Pembangunan Iskandar yang dilihat memberikan keuntungan ekonomi, politik dan sosial kepada Singapura. Dewan ini berpandangan bahawa WPI tidak seharusnya menjadi satu laluan kepada Singapura untuk 'menjajah' negara ini dalam bentuk baru (neo-colonialism)."

**(Perdana Menteri)**

20. PR-1211-U12520  
**Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan menurunkan harga petrol sebanyak RM0.30 memandangkan kos hidup rakyat semakin meningkat pada hari ini. Dewan ini berpandangan bahawa kenaikan harga minyak dalam Dolar US tidak boleh dijadikan sandaran untuk mengekalkan harga petrol kerana nilai Ringgit Malaysia lebih kukuh daripada Dolar US sekarang. Dewan ini mencadangkan kos untuk mengurangkan harga petrol ini disubsidikan oleh Petronas sepenuhnya."

**(Menteri Kewangan)**

21. PR-1211-U12526  
**Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini akan mengkaji semula Peraturan Dewan bagi membolehkan urusan pembangkang didahulukan sebelum urusan Kerajaan. Dewan ini berpandangan bahawa Dewan ini adalah Dewan Rakyat yang perlu membawa suara rakyat dan mengambil berat kepentingan rakyat. Sebelum ini Dewan ini pernah mengamalkan dasar mengutamakan urusan pembangkang sehingga banyak kepentingan rakyat dapat dibahaskan sebelum ia dipinda bagi memberi keutamaan kepada urusan Kerajaan. Dewan ini melahirkan rasa kesal kerana pihak Kerajaan gagal mengambil berat pandangan-pandangan pembangkang, khususnya usul-usul yang dikemukakan semenjak urusan Kerajaan diutamakan."

**(Perdana Menteri)**

22. PR-1211-U12529  
**Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak supaya semua tahanan ISA untuk dibicarakan di mahkamah terbuka atau dibebaskan jika Kerajaan tidak mempunyai bukti ke atas segala tuduhan ke atas semua. Dewan ini amat kesal ke atas penyalahgunaan ISA untuk kepentingan politik parti pemerintah."

**(Menteri Dalam Negeri)**

23. PR-1211-U12535  
**Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengutuk keras tindakan SPR membatalkan penggunaan dakwat kekal dalam pilihan raya lepas. Dewan ini berpandangan bahawa tindakan tersebut adalah satu persekongkolan antara SPR dan BN untuk membolehkan pengundi hantu beroperasi bagi memenangkan BN. Dewan ini mendesak supaya sebuah Suruhanjaya ditubuhkan bagi menyiasat tindakan SPR yang mensabotaj rakyat dalam pilihan raya lepas."

**(Perdana Menteri)**

24. PR-1211-U12740  
**Dr. Dzulkefly bin Ahmad [ Kuala Selangor ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan bagi membolehkan rakyat mendapat akses khasnya yang dipegang oleh badan-badan awam dengan menyegerakan pengenalan dasar dan undang-undang kebebasan Hak Mendapat Maklumat. Berlatar belakang kedudukan gejala rasuah yang semakin parah dan membarah seperti yang diketahui umum kini. Dewan ini berpandangan bahawa dasar dan undang-undang ini adalah amat penting bagi menggalakkan keterbukaan dan ketelusan amalan Kerajaan meningkatkan integriti dan kepercayaan rakyat terhadap institusi-institusi Kerajaan sekali gus menangani penyalahgunaan kuasa dan rasuah."

**(Perdana Menteri)**

25. PR-1211-U12741  
**Dr. Dzulkefly bin Ahmad [ Kuala Selangor ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini merakamkan kekesalan dan kekecewaan yang amat sangat atas perubahan sikap pihak SPR yang gagal memenuhi beberapa janji mereka untuk memastikan bahawa PRU Ke-12 khususnya penggunaan dakwat kekal bagi mengelakkan pengundi 'multiple' dan capaian atau akses media yang adil dan bebas oleh semua parti-parti yang bertanding dalam pilihan raya yang lalu sehingga berlaku sekali 'media blitz' oleh pihak BN. Dewan ini mendesak supaya permohonan BERSIH bagi mewujudkan sebuah Suruhanjaya Bebas ditubuhkan segera bagi menyasat segala dakwaan salah-laku, penyalahgunaan kuasa, kewujudan 'multiple voters' pelanggan undang-undang dan akta-akta pilihan raya secara menyeluruh bagi mempertingkatkan dan menambah baik proses pilihan raya."

**(Perdana Menteri)**

26. PR-1211-U12583  
**Dr. Dzulkefly bin Ahmad [ Kuala Selangor ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kementerian Pelajaran supaya membuat perisytiharan terbuka tentang penggunaan semula Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar untuk subjek Sains dan Matematik di sekolah."

**(Menteri Pelajaran)**

27. PR-1211-U12554  
**Tuan Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengutuk sikap tidak profesional Menteri Pelancongan yang membatalkan MoU berkaitan pelancongan dengan lima buah negeri yang dikuasai oleh Pakatan Rakyat atas alasan tidak bersefahaman. Dewan ini berpandangan bahawa alasan tersebut bukan sahaja tidak munasabah, bahkan dipengaruhi oleh pemikiran politik kepartian yang amat sempit dan dangkal."

**(Menteri Pelancongan)**

28. PR-1211-U12590

**Tuan Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan Malaysia mengkaji semula AUKU supaya ia selaras dengan hak-hak kebebasan rakyat yang dijamin oleh Perlembagaan. Dewan ini berpandangan sekatan yang dikenakan oleh AUKU ke atas kebebasan pelajar adalah bercanggah dengan Hak Asasi Manusia."

**(Menteri Pengajian Tinggi)**

29. **Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa mutu dan nilai-nilai pengakap di kalangan murid-murid sekolah pada hari ini kian menurun berbanding dengan mutu dan nilai-nilai pengakap terdahulu. Dan mengambil maklum bahawa penurunan ini disebabkan kerana tiadanya guru-guru atau pegawai pengakap yang bertauliah atau berpengalaman bagi mengawasi badan-badan pengakap di sekolah-sekolah ini. Dan mengambil maklum bahawa amalan masa kini adalah memberikan tanggungjawab sepenuhnya kepada guru penasihat badan-badan pengakap ini sebagai pembimbing sedangkan guru-guru ini telah pun dibebani oleh tugas-tugas perguruan dan terdapat juga guru-guru yang tidak mempunyai pengetahuan ataupun pengalaman asas sebagai pengakap. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Pelajaran untuk membantu tugas formasi pengakap dengan menyediakan guru-guru pengakap yang bertauliah yang telah dilatih oleh Persatuan Pengakap Malaysia."

**(Menteri Pelajaran)**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2008</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST.2	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Maktab Kerjasama Malaysia Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit).	7 Mei 2008
ST.4	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Labuan Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	7 Mei 2008
ST.18	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Jurukur Tanah Semenanjung Malaysia Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit).	7 Mei 2008